

Kekang golongan rosakkan hubungan kaum dan agama

## Bertindak pantas, keras

Oleh **KAMIL MASLIH**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 JAN.**

**K**ERAJAAN harus mengambil tindakan pantas dan keras terhadap golongan yang mencabuli hak kebebasan bersuara sehingga timbul suasana tidak harmoni dalam hubungan antara kaum serta agama di negara ini.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, hukuman berat perlu dikenakan terhadap golongan terbabit sebagai pengajaran agar kesalahan itu tidak lagi berulang atau dilakukan orang lain.

“Kita ambil contoh di Singapura, Islam tidak ada kedudukan di dalam Perlembagaan negara itu tetapi apabila ada rakyat Singapura bukan Islam menghina Islam, kerajaan Singapura mengambil langkah tegas sebagai iktibar kepada mereka yang lain.

“Di Malaysia, Islam ada tempatnya sebagai agama Persekutuan tetapi apabila ada tindakan hina Islam, kita tidak ambil tindakan sewajarnya dengan pantas, bila kita tidak tegas, kita dapat lihat di kemudian hari ada sahaja pihak yang berterusan melakukan provokasi dan semakin hari mereka semakin berani,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas titah Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semalam yang



**TEO KOK SEONG**



**SIVAMURUGAN**

menzahirkan keseimbangan mengenai hubungan antara kaum dan agama dalam kalangan rakyat yang dilihat semakin rapuh.

Baginda yang juga Yang di-Pertuan Agong bertitah, sikap toleransi dan hormat-menghormati antara kaum dan agama yang dipelopori sejak mereka hingga kini seolah-olah tidak diutamakan.

Menurut Kok Seong, masyarakat zaman ini memang ramai berpendidikan namun tidak ramai yang benar-benar memiliki akal budi kerana ana sanggup menyalah guna media sosial untuk melakukan provokasi provokasi yang mencetus pergeseran antara kaum dan agama.

“Tindakan harus diambil tanpa mengira penyokong kerajaan mahupun pembangkang, kebebasan bersuara mesti ada hadnya, negara barat mahukan kebebasan mutlak namun kita boleh lihat padanya dan padah itu bukan kecil tetapi besar,” katanya.

Sementara itu, Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Datuk Dr. Mohamed**

**Mustafa Ishak** berkata, pihak berkuasa tidak seharusnya mempunyai keraguan untuk mengambil tindakan terhadap golongan yang mengganggu-gugat keharmonian negara ini dan sekiranya undang-undang sedia ada tidak mencukupi, undang-undang lebih berkesan perlu digubal.

“Kebimbangan Yang di-Pertuan Agong adalah keseimbangan yang perlu diberi perhatian oleh setiap rakyat Malaysia, baginda sebagai ketua negara dan begitu lama di singgahsana telah melihat pelbagai peristiwa sejak negara merdeka, keseimbangan itu tidak boleh diambil mudah,” katanya.

Tegas Mohamed Mustafa, hak kebebasan bersuara tidak sewajarnya disalah gunakan sehingga mencetuskan perbalahan yang merugikan semua pihak dan meruntuhkan paduan yang dibina selama ini.

Dalam pada itu, menurut panyarah Pusat Pengajian Sains Keselamatan Universiti Sains Malaysia (USM), **Prof. Madya Dr. P. Sivamurugan**, kebanggaan Yang di-Pertuan Agong itu berasas kerana terdapat segelintir pihak yang menyalah guna hak kebebasan bersuara tanpa melihat konteks kepelbagaian masyarakat di negara ini.

“Masyarakat harus memiliki sensitiviti untuk saling hormat-menghormati dan pada masa yang sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga perlu bertindak tegas terhadap provokasi-provokasi yang banyak menular bermula daripada media sosial,” katanya.